

Sita penjaja jeruk warga asing

DALAM usaha membanteras warga asing dan penjaja tanpa lesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) giat menjalankan operasi dan tindakan khas di sekitar ibu kota.

DBKL berkata pada Selasa lalu satu tindakan khas terhadap penjaja jeruk mangga dan tempat mencuci kereta di sekitar Parlimen Wangsa Maju telah dilakukan dengan kerjasama DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Wangsa Maju.

"Dalam operasi tersebut, DBKL telah mengambil tindakan sita serta-merta terhadap dua orang penjaja jeruk mangga warga asing di sekitar Jalan 1/27A, Wangsa Maju.

"Selain itu, DBKL juga turut mengambil tindakan sita terhadap tempat mencuci kereta yang dikendalikan oleh warga asing di lorong belakang Jalan Wangsa Setia 2, Wangsa Maju," katanya menerusi satu hantaran di laman rasminya.

Sementara itu, satu lagi operasi banteras warga asing (KL Strike Force) telah diadakan baru-baru ini di mana DBKL telah mengeluarkan dua notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan

lima tindakan sita serta-merta di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Selain daripada itu, seramai 25 orang warga asing telah ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur bagi tujuan semakan dokumentasi.

"Operasi tersebut dijalankan oleh DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Setiawangsa dan Wangsa Maju serta Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan operasi banteras warga asing (KL Strike Force) di sekitar Jalan 3/48A, Bandar Sentul, Batu, Kuala Lumpur," katanya.

Tambahnya, kesemua barangan yang diambil tindakan telah dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan tertera seperti berikut <https://adukl.dbkl.gov.my/>," ujarnya. 📞



SEKITAR operasi terhadap penjaja jeruk mangga yang merupakan warga asing.